

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
(KULIM BANDAR BAHARU)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima BR1M yang telah mendaftar tetapi masih belum menuntut wang mereka, jumlah penerima yang sudah berjaya sebelum ini tetapi gagal pada tahun terkini, jumlah mereka yang layak memohon tetapi permohonan mereka ditolak walaupun sudah membuat rayuan dan apakah pendekatan Kerajaan dalam menangani isu dan masalah berkaitan ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah bermatlamat untuk membantu meringankan

beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. BR1M juga akan meningkatkan perbelanjaan rakyat seterusnya membantu dalam memacu ekonomi dan menjana pertumbuhan perniagaan domestik.

Pembayaran BR1M 2015 dibuat sebanyak 3 kali iaitu pada 13 Januari, 28 Mei dan 28 September 2015. Bagi pembayaran peringkat pertama, sehingga kini sebanyak 7.19 juta (98.6%) pemohon telah menunaikan BR1M mereka manakala baki 95 ribu (1.4%) masih belum menunaikan BR1M mereka. Pengagihan bagi BR1M kedua sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada akhir Jun 2015.

Bagi memastikan penerima mendapat BR1M mereka dengan lebih cepat, Kementerian Kewangan menggalakkan pemohon untuk mengemukakan maklumat akaun bank bagi penyaluran terus ke akaun. Pada tahun 2015, sebanyak 6.4 juta penerima (89%) yang telah mengemukakan maklumat akaun dah menerima bantuan mereka terus ke akaun bank mereka, manakala baki sebanyak 820 ribu penerima (11%) masih menerima BR1M

melalui baucar.

BR1M hanya diberikan kepada mereka yang lulus tapisan semakan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan. Bagi mengurangkan ketirisan dan memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh setiap tahun dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pada tahun 2015 sebanyak 590,585 penerima BR1M 2014 yang tidak lagi menerima BR1M 2015 selepas tapisan semakan dibuat.

Sekiranya terdapat penerima yang mengadu masih belum menerima BR1M mereka, semakan boleh di mana-mana cawangan LHDN atau dengan menghubungi hotline 1-800-88-2716.